

Risiko hasil laut beracun

Pencemaran sungai makin kritikal, berminyak dan busuk

JERAM - Hitam, berminyak dan berbau busuk. Begitulah keadaan sungai melalui Jambatan Parit Mahang-Ijok di sini yang semakin kritikal sejak bulan April lalu, meskipun banyak kali didedahkan media massa.

Lebih membimbangkan, pencemaran didakwa berpunca daripada sisa kilang dan perindustrian itu mendatangkan risiko kepada nelayan kebun kerang di perairan Kuala Selangor sekaligus menyebabkan hasil laut tersebut beracun serta tidak boleh dimakan.

Ketua Kampung Parit Mahang, Baharom Hussien berkata, pencemaran sungai itu semakin serius selepas pembubaran Sidang Dun dan sudah diajukan kepada pihak berwajib, namun menemui

jalan buntu sehingga menjejaskan penduduk serta nelayan.

Menurutnya, difahamkan, fenomena aliran air rendah dan pasang surut turut menghalang pengaliran sisa kilang ke laut sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran di hilir sungai di Sungai Buloh-Jeram.

"Pembubaran Sidang Dun lalu memberi peluang kepada pengusaha kilang membuang sisa kumbahan ke dalam sungai. Selepas PRU13, keadaan masih tidak berubah dan lebih teruk ketika musim hujan.

"Jika tahu sisa kilang tidak boleh mengalir dengan sempurna, kenapa pengusaha masih berdegil tanpa fikirkan kesannya kepada penduduk?" katanya, semalam.



Baharom menunjukkan air sungai yang kehitaman dan berbau busuk.

Baharom berkata, penduduk dan nelayan terus menjadi mangsa dan dia bimbang jika sisa itu mengalir ke kebun

kerang, tidak mustahil hasil laut itu akan tercemar.

"Sejak memegang jawatan pada 2008, saya kerap meng-

utarakan masalah sama kepada agensi berkaitan, namun terima alasan tak munasabah.

"Saya harap kerajaan nege-

ri dan persekutuan bekerjasama menyelesaikan masalah ini kerana jika dibiarkan, akan susahkan penduduk," katanya.

Peniaga kedai makan, Jamaludin Jurimi pula berkata, bau busuk menyebabkan pelegannya merungut.

Menurutnya, masalah itu sudah banyak kali disiarkan media massa dan pihak berwajib sendiri ada beri penjelasan, namun tidak menjamin masalah itu akan selesai.

"Saya bimbang hasil laut itu akan membahayakan orang ramai. Saya sendiri lihat isi kerang yang sebelum ini sihat kemerahan, kini kehitaman dengan saiz makin mengecil.

"Kalau boleh, pihak berwajib perlu terus laksanakan penguatkuasaan bagi elak masalah sama berulang," katanya.